

# Tinjauan Berkaitan Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21

**BITARA**

Volume 5, Issue 2, 2022: 1-10  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 23 March 2022  
Accepted: 21 April 2022  
Published: 30 April 2022

## [Overview on The Creativity Practice of Islamic Education Teachers in Teaching and 21st Century Learning]

Maliki Md Mokhtar<sup>1</sup> & Mohd Nizam Sahat<sup>1</sup>

1 Pusat Pengajian Ilmu, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800, Gelugor, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: hjmaliki@gmail.com; nizamsahad@usm.my

\* Corresponding Author: nizamsahad@usm.my

### Abstrak

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan satu perubahan baharu dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. Selain membawa perubahan baharu dalam pendidikan, PAK21 dikatakan sebagai proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan kepada murid dan guru. Antara amalan yang perlu diterapkan oleh guru dalam PAK21 ialah amalan kreativiti. Kertas konsep ini membincangkan amalan kreativiti para guru dalam pengajaran dan pembelajaran PAK21. Kertas konsep ini menggunakan kajian kepustakaan melalui analisis daripada kajian-kajian lepas. Kertas konsep ini juga menjelaskan konsep amalan kreativiti, para guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Kertas konsep ini adalah salah satu usaha untuk meningkatkan mutu kualiti pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya mendapati guru perlu berusaha menambah kepakaran dalam kreativiti menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, peka terhadap perubahan yang berlaku amat penting untuk dititikberatkan dalam kalangan guru pada abad ke 21 ini.

**Kata kunci:** Kreativiti Guru, Pengajaran dan Pembelajaran, Pembelajaran Abad ke-21.

### Abstract

21st century learning (PAK21) in teaching and learning is a new change in the world of education because it is seen to be able to meet the needs of education today. Apart from bringing new changes in education, PAK21 is said to be a teaching and learning process centered on students and teachers. Among the practices that need to be applied by teachers in PAK21 is the practice of creativity. This concept paper discusses the creativity practices of teachers in the teaching and learning of PAK21. This concept paper uses a literature review through analysis from past studies. This concept paper also explains the concept of creativity practice, teachers in teaching and learning. This concept paper is one of the efforts to improve the quality of teaching in the teaching and learning process. The results found that teachers need to strive to increase expertise in creativity to produce effective teaching and learning. Therefore, being sensitive to the changes that are taking place is very important to be emphasized among teachers in the 21st century.

**Keywords:** Teacher Creativity, Teaching and Learning, 21st Century Learning

**Cite This Article:**

Maliki Md Mokhtar & Mohd Nizam Sahat. 2022. Tinjauan berkaitan amalan kreativiti guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran Abad ke-21 [Overview on the creativity practice of Islamic Education teachers in teaching and 21st Century learning]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 1-10.

## Pengenalan

Kreativiti guru dikenal pasti sebagai elemen penting bagi melahirkan murid yang kreatif dan inovatif (Olawale et al., 2010; KPM, 2013, George Tamaki, 2015). Guru perlu memainkan peranan mereka sebagai model dan mentor di dalam bilik darjah (Cropley, 1997; Sawyer, 2012). Kreativiti berpotensi merangsang perubahan positif dalam amalan pedagogi, seterusnya mengubah bilik darjah menjadi komuniti pembelajaran aktif dan menyegarkan (Erin Justyna, 2016). Justeru, kreativiti guru dituntut tidak hanya terbatas dalam penyampaian kandungan kurikulum semata-mata. Di samping itu juga, perlu ditumpukan kepada soal bagaimana kandungan disampaikan kepada murid (Soh, 2015). Ringkasnya, tingkah laku pemupukan kreativiti adalah bergantung kepada peranan guru agar pengajaran dan pembelajaran memberi impak tinggi terhadap kreativiti murid.

Pemupukan kreativiti didapati sangat berpotensi untuk mempromosikan pembelajaran dan pengekalan ilmu dalam jangka masa yang panjang (Elaldi & Batdi, 2016; Gajda, Karwowski, & Beghetto, 2017). Dalam membangun kreativiti, guru disarankan untuk membina budaya terbuka agar murid berasa selamat serta bermotivasi (Chien & Hui, 2010; Reilly, Lilly, Bramwell, & Kronish, 2011). Malangnya, budaya ini pula dibatasi kekhawatiran terhadap isu kawalan tingkah laku murid jika terlalu diberikan kebebasan. Hakikatnya, tingkah laku pemupukan kreativiti merupakan inti pati penting pengajaran guru di dalam bilik darjah (Kampylis, 2010; Chan & Yue, 2014b).

Perubahan pendidikan sering dikaitkan dengan meluasnya pengaruh globalisasi (Dede, 2010; Voogt, Erstad, Dede, & Mishra, 2013). Seperti yang dijelaskan Dede (2010), pakar dalam bidang pendidikan bersetuju bahawa kurikulum perlu berubah agar signifikan dengan tuntutan kemahiran abad ke-21. Sejajar dengan situasi tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut melaksanakan kajian semula terhadap sistem pendidikan negara dalam konteks standard pendidikan antarabangsa dan akhirnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilancarkan (KPM, 2013). PPPM 2013-2025 merupakan hasil penglibatan masyarakat dan penyelidikan meluas yang dijalankan oleh KPM. Pelan ini dibangun dengan tiga objektif khusus, iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa, mewujudkan visi dan aspirasi yang jelas dan menggariskan transformasi sistem pendidikan yang komprehensif merangkumi perubahan penting dalam kementerian (KPM, 2013). Antara langkah yang dikenal pasti bagi mencapai matlamat tersebut ialah melalui pembudayaan bilik darjah abad ke-21 atas kesedaran akan pentingnya perubahan kurikulum dan peranan bilik darjah bagi menjamin penyampaian kemahiran dalam kalangan murid (PPD Muar, 2015).

Malah, menurut Nurzarina dan Roslinda (2016), kemahiran-kemahiran abad ke-21 perlu digabungkan dengan kurikulum dan amalan pengajaran guru di sekolah agar dapat diterapkan dalam diri anak-anak murid di sekolah. Dalam hal ini, guru memainkan peranan utama dalam mengerakkan transformasi sekolah dan perlu melaksanakan konsep pembelajaran abad Ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pembelajaran atau lebih dikenali sebagai pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan pada 6 September 2013 memperkasakan sistem pendidikan negara. Hasrat PPPM adalah untuk meningkatkan status pendidikan negara di mata dunia agar seiring dengan kemajuan negara dan dapat menjadi penanda aras di peringkat antarabangsa. Peneraju utama di sebalik merealisasikan hasrat PPPM ini sudah pasti insan yang bergelar guru.

## Latar belakang Kajian

Perubahan dimensi PdPc abad baru ini memerlukan unsur kreativiti diaplikasikan untuk menjadikan sistem pengajaran lebih berkesan serta berkualiti bagi merealisasikan proses pembentukan dan pengembangan potensi diri pelajar.

Aspek pengajaran guru yang berfokuskan kreativiti pengajaran di bilik darjah dapat membangunkan potensi diri pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih dinamik, segar dan berkesan yang turut menjadi asas kepada pencapaian akademik. Pendekatan pengajaran guru yang kreatif juga mampu memindahkan ilmu, bahkan berupaya meningkat dan memantapkan keimanan pelajar serta membawa kepada kefahaman yang jelas.

Menurut Hamid (2000); Tamuri (2004); Tengku Kasim (2008) terdapat sebilangan guru mata pelajaran kurang berupaya serta lemah menjalankan proses pengajaran dengan cekap dan berkesan. Akibatnya, hasil pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dicapai malah menjadikan sesi pengajaran kurang menarik dan hambar.

Kelemahan pengajaran guru secara cekap dan berkesan menggambarkan bahawa rendahnya tahap amalan kreativiti pengajaran di kalangan guru di sekolah-sekolah. Menurut Mohamad (1997); Hamid (2000); Taat (2011) terdapat kajian yang menunjukkan guru mata pelajaran kurang pengamalan kreativiti dan tidak mempelbagaikan teknik proses pengajaran sehingga menyebabkan kelemahan guru mata pelajaran melaksanakan proses pengajaran dengan berkesan. Oleh itu, kreativiti amat diperlukan oleh guru dalam proses pengajarannya.

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2011), menyarankan agar guru menggunakan kreativiti dalam pengajarannya kerana kreativiti pengajaran merupakan satu dimensi baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar di sekolah. Ia bukan saja dapat mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang menarik tetapi juga mampu melahirkan pelajar cemerlang dan kreatif.

Pengajaran Pendidikan Islam khususnya bukan hanya bergantung kepada sebanyak mana ilmu yang disampaikan tetapi turut melibatkan kepelbagaian kreativiti pengajaran guru dalam menghasilkan idea yang baru dengan kaedah dan strategi pengajaran yang kreatif.

Kesimpulannya, Abdullah Sani (2003) menyatakan keperluan kepada kreativiti pengajaran dapat membantu guru mempelbagaikan kreativiti kaedah dan strategi yang diaplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga memberi kesan bermakna kepada corak pengajaran dengan kesesuaian isi kandungan yang hendak diajar di dalam bilik kelas di sekolah. Keupayaan guru Pendidikan Islam menarik minat pelajar untuk memahami dan meminati Pendidikan Islam bermula dari kreativiti pengajaran guru yang dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronok, kreatif dan berkesan.

## Kajian literatur

Kajian Nur Adibah (2021), mendapati pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) merupakan satu perubahan baharu dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. Selain membawa perubahan baharu dalam pendidikan, PAK21 dikatakan sebagai proses PdPc yang berpusatkan kepada murid dan guru sebagai fasilitator. Antara elemen yang perlu diterapkan oleh guru dalam

PAK21 ialah elemen kreativiti. Konsep kajian adalah menggunakan kajian kepustakaan melalui analisis daripada kajian-kajian lepas. Konsep kajian juga menjelaskan tentang elemen kreativiti, amalan kreativiti guru dalam PdPc dan cabaran guru Pendidikan Islam dalam penerapan elemen kreativiti. Kajian ini adalah salah satu usaha untuk meningkatkan mutu kualiti pengajaran dalam proses PdPc. Hasilnya mendapati guru perlu berusaha menambah kepakaran dalam kreativiti menghasilkan PdPc yang berkesan. Oleh itu, peka terhadap perubahan yang berlaku amat penting untuk dititikberatkan dalam kalangan guru pada abad ke 21 ini.

Manakala menurut kajian Jaggil Apak (2018), dalam mengenal pasti hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 dalam kalangan guru, pengaplikasian kaedah tinjauan dengan menggabungkan beberapa teknik pensampelan kebarangkalian dilakukan bagi mendapatkan sampel. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi yang ditadbir ke atas 439 orang guru. Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 21.0. Statistik deskriptif dan inferensi seperti peratus, min, sisihan piawai, Ujian-t dan korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab soalan kajian. Analisis deskriptif menunjukkan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 diamalkan pada tahap yang tinggi. Hasil kajian juga mendapat terdapat perbezaan skor min yang signifikan tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 berdasarkan jantina. Ujian korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan linear positif yang sederhana bagi tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Implikasi dan cadangan kajian lanjut turut dibincangkan.

Menurut kajian Rusdi (2018), pengetahuan teknologi guru bahasa Arab di Malaysia dan hubungannya dengan kreativiti pengajaran guru adalah salah satu elemen yang terdapat dalam model pengetahuan teknologi pedagogi kandungan atau dikenali dengan *technological pedagogical content knowledge* (TPACK) yang telah diperkenalkan oleh Mishra dan Koehler (2006). Model ini dijadikan kerangka asas kepada kajian ini. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 530 orang guru bahasa Arab di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kaedah kajian kuantitatif digunakan dan pensampelan secara rawak dijalankan bagi pengumpulan data. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Sosial Science (SPSS) versi 20. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pengetahuan Teknologi guru bahasa Arab berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.72, SP = 0.423). Manakala kreativiti pengajaran guru pula berada pada tahap tinggi (Min = 4.08, SP = 0.384). Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara pengetahuan teknologi dengan kreativiti pengajaran guru-guru ( $r = .427$ ,  $p < 0.01$ ) bahasa Arab di Malaysia. Kekuatan hubungan antara boleh ubah dikategorikan sebagai rendah. Kesimpulannya, berdasarkan dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru bahasa Arab di Malaysia mempunyai pengetahuan yang baik dalam pengetahuan teknologi dan sangat baik dalam kreativiti pengajaran.

Berpandukan kajian Zaki (2013), perubahan paradigma dalam sistem pendidikan menuntut dan menggesa para guru membuat perubahan di mana salah satu elemen penting dalam perubahan ialah kreativiti. Melalui amalan kreativiti dalam pengajaran ini sudah pasti dapat menarik perhatian bagi mengekalkan tumpuan pembelajaran pelajar mengikuti perkembangan pembelajaran seterusnya mencapai hasil pembelajaran yang dikehendaki.

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk mengkaji dan menentukan amalan kreativiti guru pendidikan asas vokasional (PAV) dalam pengajaran. Berdasarkan penentuan, penerokaan amalan dalam pengajaran guru PAV dilakukan melalui meta analisis iaitu melalui analisis dokumen dan temu bual pakar sebagai data kualitatif. Responden kajian adalah pelajar dan guru dari sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang melaksanakan program PAV di negeri Johor dalam pengkhususan kemahiran teknikal dan kemahiran ekonomi rumah tangga. Pembinaan instrumen dan kajian rintis dilaksanakan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan item yang dibina sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Dapatan kajian rintis dianalisis menggunakan pendekatan Model Rasch melalui analisis kesahan dan kebolehpercayaan item dan responden serta indeks pengasingan item, analisis polariti item, analisis kesesuaian item dan analisis korelasi item. Analisis dipilih bagi menentukan sama ada boleh diterima, dimurni atau digugurkan. Menerusi kajian sebenar, dapatan dari soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan aplikasi Model Rasch iaitu menggunakan perisian Winsteps dalam menentukan dan pembentukan kerangka amalan kreativiti guru dalam pengajaran PAV.

Kajian Mohsin (2013) memfokuskan kepada hubungan antara gaya pengajaran bagi guru dengan pemupukan kreativiti dalam kalangan pelajar. Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk menyiasat gaya pengajaran ( $N = 250$ ) yang membantu untuk memupuk kreativiti dalam kalangan pelajar di dalam bilik darjah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru memiliki gaya pengajaran yang membantu memupuk kreativiti dalam bilik darjah. Satu implikasi penting ialah guru perlu membangunkan mereka gaya pengajaran sendiri yang membantu memupuk kreativiti.

## Dapatan Kajian

Jadual 1 Penerangan dapatan kajian, kekuatan dan kelemahan berdasarkan tajuk kajian

Penulis, Tahun, Tajuk Kajian	Dapatan Kajian	Kekuatan	Kelemahan
Nur Adibah Liyana dan Hafizhah (2021) Amalan kreativiti guru pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke-21.	Guru perlu berusaha menambah kepakaran dalam kreativiti menghasilkan PdPc yang berkesan.	Objejtif dan penyataan masalah yang jelas.	Perbincangan kurang menyeluruh.
Jaggil Apak dan Muhamad Suhaimi (2018) Hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti guru dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21.	Hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan tingkah laku pemupukan kreativiti dan pengurusan bilik darjah abad ke-21 berdasarkan jantina.	Hipotesis Kajian sesuai berpandukan objektif kajian yang telah ditetapkan.	Skop kajian yang terhad.
Muhammad Rusdi dan Zawawi (2018) Pengetahuan teknologi	Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru bahasa Arab di Malaysia	Sampel kajian menyeluruh merangkumi	Tidak ada pemaparan dalam bentuk

guru Bahasa Arab dan hubungannya dengan kreativiti pengajaran Di Malaysia.	mempunyai pengetahuan yang baik dalam pengetahuan teknologi dan sangat baik dalam kreativiti pengajaran.	Sabah dan Sarawak.	grafik mahupun gambar dokumentasi.
Muhamad Zaki, Razali, Azman dan Mohd As'ed (2013) Amalan kreativiti guru dalam pengajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV).	Hasil kajian guru perlu mengamalkan kreativiti dalam pengajarannya selain didedahkan dengan pelbagai teknik, aktiviti, strategi, pendekatan, kemahiran dan tindakan untuk memastikan pelajar mengikuti perkembangan pembelajaran.	Layak dijadikan referensi kerana pembahasan berhubung baik sekali dengan peranan guru.	Kerangka konsep belum di bina kerana menunggu jangkaan daripada hasil dapatan.
Mohamad Mohsin dan Jamsari (2013) Kreativiti pengajaran guru sekolah rendah di Malaysia.	Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru memiliki gaya pengajaran yang membantu memupuk kreativiti dalam bilik darjah.	Kekuatan dari Jurnal ini adalah berdasarkan idea dan gagasan penulis menggunakan dasar teori yang sesuai.	Saiz sampel.

## Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada gaya pengajaran yang dijalankan oleh para guru membantu ke arah pemupukan kreativiti dalam bilik darjah. Berdasarkan penyelidikan dan responden yang terlibat dalam kajian ini memiliki gaya pengajaran yang membantu ke arah pemupukan kreativiti dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tinjauan amalan kreativiti guru Pendidikan Islam adalah dengan membentuk pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Dapatan kajian ini jelas tidak selaras dengan dapatan kajian serta beberapa pendapat tokoh pendidik (Yong, 1989; Palaniappan, 2005) di Malaysia yang menyatakan sebaliknya. Sebagai contohnya kajian oleh Idris Aman dan Rosniah Mustafa (2006) menunjukkan bahawa para guru sukar menerapkan budaya berfikir secara kreatif di kalangan para pelajar mereka. Ini adalah kerana sistem pendidikan yang masih berorientasikan peperiksaan menyebabkan para guru di sekolah lebih memfokuskan usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan menggalakkkan para pelajar mengingati fakta untuk peperiksaan (Soon, 2010).

Terdapat beberapa penjelasan mengenai ketidakselarasan dapatan kajian ini dengan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Kemungkinan besar perbezaan dalam dapatan ini berlaku kerana kajian ini dilakukan dari sudut yang berbeza berbanding dengan kajian-kajian yang dilakukan sebelum ini. Kemungkinan juga para responden yang merupakan para guru

dalam kajian yang dijalankan ini agak bias dalam memberikan jawapan terhadap soal selidik mengenai aktiviti tingkah laku mereka sendiri dalam bilik darjah.

Melalui kajian ini juga, kontinum kawalan guru-murid. Menurut Glickman & Tamashiro (1980) membuktikan amalan pengurusan bilik darjah abad ke-21 yang berada pada tahap tinggi. Dalam model tersebut, tiga pendekatan utama bagi menjelaskan interaksi guru dan murid di dalam bilik darjah dibincangkan, iaitu bukan-*interventionis*, *interventionis*, dan *interaksionalis*. Dalam kajian ini, kawalan guru terhadap murid adalah bersifat *interventionis*. Dalam erti kata yang lain, kefahaman perspektif guru lebih terarah kepada menyokong idea-idea yang dikemukakan dalam teori *Behaviorisme*. Murid diandaikan belajar untuk berkelakuan sesuai dengan disiplin tertentu yang diteguhkan guru terlebih dahulu.

Sejajar dengan Model Disiplin Asertif Canter (1974), tingkah laku guru mengamalkan pengurusan bilik darjah yang tinggi juga bermaksud kawalan terhadap murid yang tinggi. Pada masa yang sama, kesedaran terhadap hak murid tetap tidak diabaikan. Hal ini terbukti apabila tingkah laku pemupukan kreativiti guru turut berada pada tahap tinggi.

Tingkah laku pemupukan kreativiti menjadi satu petanda penting kesediaan guru terhadap perubahan pendidikan yang diimplementasikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatkan kajian yang menunjukkan wujudnya hubungan antara tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21 membuktikan guru melaksanakan tingkah laku pemupukan kreativiti seiring dengan amalan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Dapatkan ini adalah sejajar dengan beberapa kajian terdahulu yang mempunyai penemuan yang sama seperti Ucus & Acar (2018), Chan & Yuen (2015), dan Alsahou (2015).

## Kesimpulan

Pemilihan lima jurnal dalam kajian literatur ini berdasarkan tiga kata kunci yang sepadan dengan tajuk kajian penyelidik yang menggunakan kata kunci: kreativiti guru, pengajaran dan pembelajaran, pembelajaran abad ke-21. Antara kekuatan 5 artikel yang dipilih ini ialah penulis artikel telah mendedahkan kepada pembaca tentang amalan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 yang terdapat dalam Malaysia secara terperinci. Artikel ini berinformasi dan sesuai dengan pembaca yang ingin mendalami amalan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke 21 pada masa kini.

Selain itu, kekuatan yang ada pada lima artikel ini ialah penulis telah mendalami amalan kreativiti dan mengupasnya dengan baik. Penulis amat peka terhadap perubahan masa dan zaman dalam melaksanakan amalan kreativiti. Cara susunan fakta dan maklumat penulis juga merupakan salah satu kekuatan dalam artikel ini. Perenggan fakta juga penting dalam sesuatu artikel dan penulis telah membuat yang terbaik dalam memudahkan ayat-ayat dan idea supaya lebih senang difahami oleh pembaca.

Kesimpulannya secara khusus, penemuan dalam kajian ini mampu dijadikan panduan penyelidikan akan datang terutamanya dalam melihat hubungan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah dalam konteks abad ke-21. Pada masa yang sama, penemuan kajian ini juga memperluaskan lagi skop penyelidikan berkaitan tingkah laku pemupukan kreativiti guru. Selain itu, ia juga telah diuji dan disahkan beberapa pakar dalam bidang berkaitan berpandukan prosedur dan standard yang ketat.

Guru juga digesa untuk menyahut seruan mentransformasikan pendidikan negara ke arah yang lebih baik. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru melaksanakan pengurusan bilik darjah pada tahap yang tinggi. Oleh itu, pengurusan bilik darjah abad ke-21 yang baik dan berkesan harus dilestarikan demi membangun dan meningkatkan standard kualiti pendidikan negara. Proses tingkah laku pemupukan kreativiti guru di bilik darjah memerlukan guru lebih mendekati, memahami masalah, dan keperluan murid.

Oleh itu, pemupukan kreativiti perlu diamalkan guru dalam penyampaian pengajarannya. Kajian ini merupakan antara penyelidikan terawal yang meneliti hubungan tingkah laku pemupukan kreativiti dengan pengurusan bilik darjah abad ke-21. Sumbangan kajian ini amat jelas dalam merungkai persoalan-persoalan kajian yang timbul, di samping memberikan ruang atau lompong (gap) untuk kajian seterusnya.

## Rujukan

- Abdullah Sani, Y. (2003). Perkembangan Pendidikan di Malaysia. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Alsahou, H. (2015). *Teachers' Beliefs About Creativity and Practices for Fostering Creativity in Science Classrooms in The State of Kuwait*. Doctoral Dissertation. Exeter, England: University of Exeter.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). (2011). Panduan Kreativiti Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Canter, L. (1974). *The Way and How's of Working with Behavior Problems in The Classroom*. San Rafael, CA: Academic Therapy Press
- Chan, S., & Yuen, M. (2014b). *Personal and Environmental Factors Affecting Teachers' Creativity Fostering Practices in Hong Kong*. Thinking Skills and Creativity, 12, 69-77.
- Chan, S., & Yuen, M. (2015). *Teachers' Beliefs and Practices for Nurturing Creativity in Students: Perspectives from Teachers of Gifted Students in Hong Kong*. Gifted Education International, 31(3), 200-213.
- Chien, C., & Hui, A. N. N. (2010). *Creativity in Early Childhood Education: Teachers' Perceptions in Three Chinese Societies*. Thinking Skills and Creativity, 5, 49–60.
- Cropley, A. J. (1997). Fostering creativity in the classroom: General principles. In Runco, M. A. (ed.). *The Creativity Research Handbook Vol. 1*. pp. 83-114. Cresskill, NJ: Hampton Press.
- Dede, C. (2010). *Comparing Frameworks for 21st Century Skills*. In Bellanca, J., & Brandt, R. (eds.). 21st Century Skills. Bloomington, IN: Solution Tree Press.
- Elaldi, S., & Batdi, V. (2016). Comparing Effects of Different Applications on Preservice Teachers: A Meta-Analysis. *Journal of Education and Training Studies*, 4(7), 70-81.
- Erin Justyna, M. A. (2016). *Creativity in Higher Education Curriculum: A Qualitative Case Study of Pedagogical Processes and Practices*. Doctoral Thesis. Texas, USA: Texas Tech University.
- Gajda, A., Beghetto, R. A., & Karwowski, M. (2017). *Exploring Creative Learning in The Classroom: A Multi-Method Approach*. Thinking Skills and Creativity, 24, 250-267.

- George Tamaki. (2015). *Kreativiti Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Di Sekolah Menengah Daerah Kudat, Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Glickman, C. D., & Tamashiro, R. T. (1980). *Clarifying Teachers' Beliefs About Discipline*. Educational Leadership. 37, 459-464.
- Hamid, N. (2000). Sikap Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Dua Buah Sekolah di Daerah Sabak Bernam, Selangor. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.
- Jaggil Apak dan Muhamad Suhaimi (2018). Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 3, Issue 3, (page 64 - 79), 2018
- Kampylis, P. G. (2010). *Fostering Creative Thinking: The Role of Primary Teachers*. Jyväskylä, Finland: University of Jyväskylä.
- Mishra, P. & Koehler, M.J., (2006b). *Technological pedagogical content knowledge: A framework for integrating technology in teacher knowledge*. Teachers College Record, 108(6), 1017- 1054.
- Mohamad, A. F @ D.(1997). *Pelaksanaan Amali Solat dalam Pendidikan Islam KBSM: Satu Tinjauan di Sekolah-sekolah Menengah di Bandaraya Ipoh, Perak*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Mohsin dan Jamsari (2013). Kreativiti pengajaran guru sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 27 (2013): 71-97.
- Muhamad Zaki, Razali, Azman dan Mohd As'ed (2013). *Amalan Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Asas Vokasional (PAV)*. Technology, Education, and Science International Conference (TESIC) PPI-UTM TESIC 2013
- Muhammad Rusdi dan Zawawi (2018). Pengetahuan Teknologi Guru Bahasa Arab Dan Hubungannya Dengan Kreativiti Pengajaran Di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Bil. 18, No. 1, 2018 (Sep).
- Nur Adibah Liyana dan Hafizhah (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan Islam dalam pembelajaran abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J).
- Nurzarina Amran dan Roslinda Rosli. (2016). *Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Olawale, S. G., Adeniyi, E. O., & Olubela, O. I. (2010). Creativity Fostering Behaviour as an Index of Productivity and Capacity Building Among Lecturers in Selected Universities in Ogun and Oyo States. *Educational Research and Review*, 5(5), 257-262.
- Palaniappan, A. K. (2005). *Creativity and Academic Achievement A Malaysian Perspective*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Pejabat Pendidikan Daerah Muar. (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21*. Muar, Johor: Pejabat Pendidikan Daerah Muar.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Reilly, R. C., Lilly, F., Bramwell, G., & Kronish, N. (2011). A Synthesis of Research Concerning Creative Teachers in a Canadian Context. *Teaching and Teacher Education*, 27(3), 533-542.
- Sawyer, R. K. (2012). *Explaining Creativity: The Science of Human Innovation*. Oxford: Oxford University Press.
- Soh, K. C. (2015). *Creativity Fostering Teacher Behaviour Around the World: Annotations of Studies Using the CFTIndex*. Cogent Education, 2, 1-18.
- Soon Singh A/L Bikar Singh, (2011). Perhubungan antara kreativiti figura dengan pencapaian akademik pelajar : satu tinjauan dalam kalangan pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur. e-BANGI: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6 (1). pp. 90-101. ISSN 1823-884x.
- Taat, M.S. (2011). Faktor gaya pertautan dan motivasi pelajar, serta proses pengajaran dan bimbingan guru pendidikan Islam terhadap pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar. Tesis Phd.Universiti Malaysia Sabah.
- Tamuri, A. H., Yusopp A., Osman K., Awaluddin S., Abdul Rahim Z. & Abdul Razak K. (2004). Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, JAPIM, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tengku Kasim, T.S.A.& Che Husain F. (2008). Pendekatan Individu Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*. (27):141-156.
- Ucus, S., & Acar, I. H. (2018). The Association Between Teachers' Innovativeness and Teaching Approach: The Mediating Role of Creative Classroom Behaviors. *Social Behavior and Personality: An International Journal*, 46(10), 1-16.
- Voogt, J., Fisser, P., Pareja Roblin, N., Tondeur, J., & van Braak, J. (2013). Technological Pedagogical Content Knowledge - A Review of The Literature. *Journal of Computer Assisted Learning*, 29(2), 109-121.
- Yong, L. M. S. (1989). *A Study of Creativity and its Correlates among Form Four Pupils*. Tesis Doktor Falsafah , Universiti Malaya.